



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

**BIL ELEKTRIK TURUN 2.1 SEN SETIAP KILOWATT JAM
BAGI PENGGUNA BUKAN DOMESTIK DI KULIM HIGH
TECHNOLOGY PARK (KHTP)
BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN 2021**

PUTRAJAYA, 23 DISEMBER 2020 – Kerajaan telah bersetuju untuk mengekalkan purata tarif asas elektrik di Kulim High Technology Park (KHTP) pada kadar 35.70 sen/kWj bagi tahun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melanjutkan tempoh Regulatori Pertama (RP1) bagi NUR Power selama setahun sehingga 31 Disember 2021.

Kerajaan juga bersetuju untuk melepaskan penjimatan kos penjanaan di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021 kepada semua pengguna di KHTP berikutan penurunan harga bahan api gas pada separuh tahun kedua 2020. Sehubungan itu, semua pengguna elektrik bukan domestik di KHTP akan menikmati penurunan bil elektrik sebanyak 2.1 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021. Dalam erti kata lain, pengguna bukan domestik di KHTP akan mengalami penurunan kadar surcaj kepada 0.89 sen/kWj iaitu penurunan 70.23% berbanding kadar surcaj bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2020 iaitu 2.99 sen/kWj. Penurunan bil elektrik ini dijangka akan menghasilkan penjimatan sebanyak 3.83% hingga 3.89% kepada pengguna komersial dan 2.60% hingga 5.64% kepada pengguna industri di KHTP.

Di samping itu, pengguna domestik di KHTP pula akan dikecualikan daripada pengenaan surcaj ICPT dan akan menikmati kadar tarif yang sama seperti kadar tarif domestik TNB bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021.

Kerajaan percaya bahawa penurunan bil elektrik bagi pengguna bukan domestik dan pengekalan tarif elektrik sedia ada bagi pengguna domestik akan membantu mengurangkan impak penularan pandemik Covid 19 kepada pengguna-pengguna di Kulim High Technology Park.

- TAMAT -

Dikeluarkan Oleh:
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
23 Disember 2020